

LAMPIRAN 15C(samb.)

5. Penyerah berhasrat untuk membeli dan Pemegang Serahak telah bersetuju membekalkan bahan-bahan binaan iaitu
..... (selepas ini disebut "Bahan-bahan") untuk kegunaan Penyerahak dalam melaksanakan kontrak ini.
6. Penyerahak berhasrat menyerahkan kepada Pemegang Serahak wang yang telah genap masa dan kena dibayar kepada Penyerahak di bawah kontrak ini sebagai bayaran kepada bahan-bahan yang dibeli dan diterima oleh Penyerahak.

MAKA SURAT IKATANINI MENYAKSIKAN seperti berikut:-

1. Terma Surat Ikatan Penyerahakan ini adalah tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat yang dikenakan oleh Kerajaan dalam memberikan kebenaran mengenai penyerahakan ini.
2. Sebagai balasan kepada Pemegang Serahak kerana membekalkan dan/atau bersetuju untuk membekalkan Bahan-bahan kepada Penyerahak dari semasa ke semasa, Penyerahak dengan ini menyerahkan sepenuhnya kepada Pemegang Serahak wang yang selepas ini genap masa dan kena dibayar kepada Penyerahak di bawah kontrak ini tertakluk kepada nilai bahan-bahan yang dibekalkan dan diterima oleh Penyerahak.
3. Penyerahakan ini tidak boleh dibatalkan dan adalah berkuatkuasa selagi masih ada wang yang kena dibayar dan belum dibayar oleh Kerajaan kepada Penyerahak di bawah kontrak ini.
4. Untuk tujuan penyerahakan ini, wang yang genap masa dan kena dibayar kepada Penyerahak di bawah kontrak ini adalah tidak termasuk jumlah wang yang kena dibayar kepada sub-kontraktor dinamakan dan pembekal dinamakan di mana mengikut terma dan syarat-syarat kontrak hendaklah dibayar terus oleh Kerajaan kepada sub-kontraktor dinamakan dan pembekal dinamakan.
5. Pemegang Serahak hendaklah dibayar nilai bahan-bahan yang dibekalkan daripada wang yang genap masa dan kena dibayar kepada Penyerahak melalui potongan bayaran interim dan bayaran terakhir yang dibuat tertakluk kepada terma dan syarat-syarat kontrak.
6. Jumlah yang kena dibayar kepada Pemegang Serahak hendaklah dibuat berdasarkan dan Arahan Hantaran yang disahkan penerimaannya oleh Penyerahak atau wakilnya dan dikemukakan bersekali dengan invois oleh Pemegang Serahak kepada pegawai penguasa yang dinamakan didalam kontrak atau wakilnya tidak lewat daripada tiga (3) hari sebelum tarikh penilaian bayaran interim dibuat.